

PSC Harap Penggunaan Dakwat Kekal Dilaksanakan Pada Pru Ke-13
Bernama
1 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya berharap dapat melaksanakan penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum ke-13.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata Dewan Rakyat bersetuju dengan sepuluh usul termasuk penggunaan dakwat kekal yang dibentangkan oleh jawatankuasa itu.

"Isu dakwat sangat penting. Ia ambil masa agak lama untuk dilaksanakan..ia hanya peraturan malah AG (Peguam Negara) telahpun menyatakan ia sudah ada dalam draf.

"Paling penting ialah melihat (isu) dakwat, dengan meminta saintis untuk pengesahan dan malah meminta Fatwa sama ada ia boleh digunakan atau tidak," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari Khamis.

Sehubungan itu, Ongkili yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata jawatankuasa itu akan mendapatkan maklum balas daripada agensi-agensi yang berkaitan termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi meneliti penggunaan dakwat kekal itu sebelum dilaksanakan sepenuhnya.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan mengadakan empat sesi pendengaran awam bermula Jumaat depan bagi mendapat maklum balas daripada semua pihak berhubung perkara itu.

Katanya, jawatankuasa itu juga akan meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan dalam pendengaran awam dan dalam Dewan Rakyat ketika ia dibentangkan sebelum ia dimuktamadkan.

Ongkili berkata laporan akhir berhubung penggunaan dakwat kekal dijangka siap sepenuhnya pada 3 April tahun depan.

Sembilan usul lagi yang dibentangkan termasuk pengundi awal dan pengundi yang berada di luar negara akan mengambil sedikit masa kerana melibatkan penambahbaikan beberapa agensi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631260>